

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIM TONG HIM
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 18.06.2014 (RABU)

TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) bilangan Kedai Rakyat Satu Malaysia yang masih beroperasi sehingga bulan April 2014; dan
- (b) jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada projek ini dan bilangan kedai yang tidak dapat meneruskan perniagaan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kedai Rakyat 1Malaysia atau KR1M berkonsepkan kedai serbaneka yang menyediakan **pelbagai barangan keperluan isi rumah** berjenama **1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR)** dan **harga yang ditawarkan adalah sehingga 50% lebih rendah berbanding dengan jenama terkenal** dan kualiti tetap diutamakan. Pelaksanaan

program KR1M ini adalah merupakan gerakan nasional bagi menangani kos sara hidup dan pada masa yang sama mengekang kenaikan harga barang di pasaran. Kerajaan menetapkan sasaran sekurang-kurang sebuah KR1M bagi setiap kawasan Parlimen. Sehingga 29 Mei 2014, sebanyak 131 buah KR1M di sebanyak 118 kawasan Parlimen telah dibuka dan masih beroperasi di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak RM46,284,437.09 telah dibelanjakan bagi mewujudkan KR1M tersebut di seluruh negara di mana Kerajaan hanya menampung kos pengubahsuaian & menaik taraf kedai (CAPEX) bagi premis KR1M sahaja.

NO. SOALAN: 68

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH : 18 JUN 2014 (RABU)

SOALAN :

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pembinaan laluan baru kereta api dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu melalui Pantai Timur Semenanjung akan dimulakan.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur mengenal pasti Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) sebagai salah satu projek infrastruktur penting bagi Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Projek ini akan menjadi pemangkin mempercepatkan pembangunan industri di ECER yang merangkumi negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor.

Status projek pada masa ini ialah ia masih di peringkat kajian daya maju (viability).

Sekian, terima kasih.